

19/08/2003

Mesyuarat panel MSC paling besar 4 September

CYBERJAYA: Seramai 31 ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) mengesahkan penyertaan pada mesyuarat ke-7 IAP di sini selama dua hari bermula 4 September ini.

Ahli IAP adalah kumpulan pakar antarabangsa khususnya yang terbabit secara langsung dalam industri teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang dilantik untuk memberi input, termasuk nasihat dan pandangan kepada kerajaan ke arah membentuk kejayaan MSC.

Naib Presiden Kanan, Multimedia Development Corporation (MDC), Dr Ghazie Ismail, berkata penyertaan kali ini paling besar dalam sejarah mesyuarat IAP, dengan 17 daripadanya adalah ahli tetap IAP manakala 14 lagi wakil syarikat terkemuka dunia dalam ICT.

Tahun lalu, mesyuarat IAP hanya dihadiri 26 ahli, membabitkan 14 ahli tetap manakala selebihnya hanya menghantar wakil.

"Peningkatan ini membuktikan MSC sudah mendapat perhatian serta pengiktirafan dunia.

"Dalam mesyuarat IAP kali ini, kita juga mengumumkan kemasukan dua ahli baru yang sebelum ini hanya berstatus perwakilan, iaitu Pengerusi Satyam Computer Services Inc, Ramalingam Raju dan Naib Provost bagi Inisiatif Baru, Institut Teknologi Illinois, Dennis Robertson.

"Mesyuarat dua hari itu bukan saja akan terus mengukuhkan MSC, malah menjadi platform mengenal pasti bidang perlu dipertingkatkan untuk kejayaan MSC pada masa depan," katanya pada sidang media di Cyberjaya, semalam. Hadir sama Pengurus Kanan MDC, Najat Ahmad Marzuki.

Antara ahli IAP tetap yang akan menghadiri mesyuarat itu ialah Pengerusi yang juga Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Silicon Graphics Inc, Bob Bishop; Pengerusi, CEO dan Pengasas Bersama The Acer Group, Datuk Dr Stan Shih dan Ketua Penyelidik dan Pengarah Sains, Sun Microsystems Inc, Dr John Gage.

Mesyuarat kali ini akan dirasmikan dan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya sama ada ini mesyuarat IAP terakhir yang akan dihadiri Dr Mahathir, Dr Ghazie berkata, setiap mesyuarat IAP pada masa depan akan dipengerusikan Perdana Menteri.

Beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi juga akan menyertai mesyuarat IAP kali ini, selain merasmikan persidangan Kemuncak Polisi MSC-ICT pada 2 dan 3 September ini.